



BERITA MUSLIMIN

LOT TANAH UNTUK DIJUAL

TANAH MERAH,
KELANTAN 



HARGA BERMULA DARI
RM 80000++

SETIAP PEMBELI BOLEH MEMILIH
BERAPA LOT TANAH YANG INGIN
DIBELI DARI 5800++ HINGGA
6400++ KAKI PERSEGI

- ✓ GERAN INDIVIDU
- ✓ TANAH YANG LAPANG
- ✓ BERDEKATAN PEKAN
- ✓ KAWASAN PERUMAHAN BESAR
- ✓ BERDEKATAN SURAU
- ✓ BANYAK KEMUDAHAN AWAM
- ✓ KAWASAN BEBAS BANJIR BESAR
- ✓ BERDEKATAN SEKOLAH INTEGRASI

UNTUK SEBARANG PERTANYAAN
BOLEH HUBUNGI :

EN. ABDUL LATIF
(PEGAWAI HARTANAH)

03-40212335
012-6588762



PERJUMPAAN BERSAMA OEM

Pada 8 Oktober 2025 (Rabu), satu sesi perbincangan strategik telah diadakan antara Olympia Education Malaysia (OEM) dan Koperasi Muslimin Malaysia Berhad (KMMB) di Bilik Mesyuarat Tingkat 1, Ibu Pejabat KMMB.

OEM diwakili oleh En. Gafor Mohd Nor, manakala KMMB diketuai oleh YBhg. Dato' Che Ab Rahim Che Daud, Naib Pengerusi. Turut hadir dalam sesi tersebut ialah Haji Mohamad Noor bin Mohamad (Setiausaha), Tuan Mejar (B) Azman bin Ab Karim (Penolong Setiausaha), Saudara Mohamad Yushaiqal bin Mohamad Yasin (Penolong Pengurus Jabatan Pentadbiran & Syariah), serta Puan Azura binti Yaakob (Penolong Pengurus Jabatan Operasi).

Perbincangan tersebut memberi tumpuan kepada potensi kolaborasi antara kedua-dua pihak dalam pelbagai bidang

seperti pembangunan modal insan, latihan peningkatan kemahiran (upskilling dan reskilling), program pendidikan TVET, kepimpinan komuniti, serta inisiatif keusahawanan dan ekonomi sosial.

Sesi berjalan dalam suasana yang positif, terbuka dan profesional, mencerminkan komitmen bersama kedua-dua organisasi untuk memperkukuh sinergi strategik serta meneroka peluang kolaborasi berimpak tinggi yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat.

KMMB turut menegaskan komitmen berterusan untuk memperluas jaringan kerjasama strategik dengan pelbagai rakan kongsi dalam usaha memantapkan peranan koperasi sebagai peneraju pembangunan ekonomi ummah berteraskan nilai-nilai Syariah dan kemampanan.

RERUI PAMERAN SEMPERA SAMBUTAN BULAN KAUNSELING DI SELANGOR

SHAH ALAM, 29 Oktober 2025 – Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) telah menganjurkan Program Pembudayaan Keseronokan Bekerja sempena Sambutan Bulan Kaunseling Peringkat Negeri Selangor bertempat di Dewan Jamuan, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Pelbagai rerui pameran daripada jabatan dan agensi berkaitan turut memeriahkan program ini dengan tujuan memberi pendedahan kepada para pengunjung mengenai kepentingan kesejahteraan mental dan budaya kerja positif.

Koperasi Muslimin Malaysia Berhad (KMMB) turut mengambil bahagian dalam program ini dengan menyediakan rerui pameran yang menampilkan pelbagai produk dan perkhidmatan koperasi, termasuk pakej pelancongan daripada Muslimin Travel. Penyertaan ini lebih berfokus kepada usaha mempromosikan produk yang ditawarkan oleh KMMB dan Muslimin Travel bagi mencapai kumpulan sasaran yang lebih luas dalam kalangan masyarakat.

Melalui inisiatif ini, KMMB terus komited memperkukuh peranan koperasi sebagai entiti yang bukan sahaja menyokong ekonomi ummah, tetapi juga memperluas capaian produk berasaskan nilai Islam ke seluruh lapisan masyarakat.



SESI PENERANGAN: TAKAFUL KENDERAAN BERSAMA FAIZ BASRI

Kuala Lumpur, 29 September 2025 – Koperasi Muslimin Malaysia Berhad (KMMB) telah mengadakan satu sesi penerangan dalam talian bersama Saudara Faiz Basri, Perunding Takaful di bawah Etiqa General Takaful, bagi membincangkan potensi pelaksanaan takaful kenderaan untuk anggota KMMB.

Sesi ini menumpukan kepada aspek pemasaran digital, perkhidmatan selepas jualan serta cadangan struktur komisen antara agen dan koperasi. Menurut Saudara Faiz Basri, "Takaful kenderaan bukan sekadar perlindungan kewangan, tetapi juga satu wadah untuk memperkukuh ekonomi ummah melalui sistem yang patuh syariah."

Melalui inisiatif ini, anggota KMMB kini boleh memperbaharui perlindungan takaful kenderaan mereka secara atas talian dengan lebih mudah, cepat dan selamat. Perkhidmatan turut dilengkapi dengan kemudahan seperti bantuan kemalangan, tuntutan, khidmat tunda serta peringatan pembaharuan polisi automatik.

Usaha ini diharap dapat meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan takaful serta memperkukuh kedudukan KMMB sebagai koperasi berasaskan nilai Islam.



PROGRAM BANTUAN ASNAF Sambil MELANCONG KE TEMPAT2 MENARIK DI KELANTAN ANJURAN JKPK WPKL

KOTA BHARU, 13 Oktober 2025 – Program Tautan Kasih 3 Jajahan, Kelantan Darul Naim yang berlangsung dari 9 hingga 13 Oktober lalu telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya bagi menyantuni golongan asnaf, miskin bandar serta saudara baru di negeri ini.

Program anjuran bersama Koperasi Muslimin Malaysia Berhad (KMMB), Pertubuhan Kebajikan Al-Mannar Malaysia, Yayasan Amal ASAS dan Laman Nurani Jenderam itu diadakan di tiga lokasi utama iaitu Kampung Mambong di Kuala Krai, Pantai Melawi di Bachok, dan Taman Hijau di Kota Bharu.

Seramai 100 keluarga penerima manfaat yang terdiri daripada golongan dewasa serta kanak-kanak sekolah telah menerima sumbangan berbentuk pek makanan asas, telekung dan kain sarung, set keperluan perjalanan serta naskhah Al-Quran. Turut disampaikan ialah sumbangan wang tunai hasil infak orang ramai. Peserta juga sempat menziarahi Pondok Sungai Durian Kuala Krai dan telah diberikan taklimat mengenai kemajuan pendidikan pondok oleh TG Dato' Dr. Abdul Basit @ Abu Anas Al Madani.

Program ini diselaraskan oleh Anggota Lembaga Koperasi KMMB, Dato' Che Ab. Rahim dengan kerjasama sukarelawan tempatan serta dermawan dari pelbagai kawasan. Turut serta menjayakan program tersebut ialah Anggota Lembaga KMMB, Haji Mohamad Noor dan mantan ALK KMMB, Haji Mohd Zain Jusoh yang turut turun padang menyampaikan sumbangan kepada penerima. Turut sama dalam program ini ialah Tn. Haji Mohad Nazim (JKPK Putrajaya), Datin Norani Mohamed dari Laman Nurani Jenderam dan Tn. Haji Mohd Jusoh dari Yayasan Amal ASAS yang turut bersama menjayakan misi kebajikan ini.

Penganjuran ini bukan sahaja berperanan membantu meringankan beban golongan penerima, tetapi juga menjadi wadah dalam mengeratkan ukhuwah antara masyarakat bandar dan luar bandar.



MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JAD) SESI 2025/2026

Pada 29 hingga 30 Oktober 2025, telah berlangsung Mesyuarat Penyediaan Takwim Kerja Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) Koperasi Muslimin Malaysia Berhad (KMMB) bertempat di Bilik Mesyuarat KMMB, Diamond Square Business Center, Kuala Lumpur.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Dato' Asaari bin Mohd Yazid, Pengerusi JAD, dengan kehadiran ahli-ahli jawatankuasa iaitu Haji Muhammad Puzi bin Ahmat, Muhammad Farid bin Zulkefly, Mohd Sahid bin Idris, dan Sr. Puan Norizan binti Sulaiman selaku Setiausaha.

Antara agenda utama mesyuarat ialah:

- Menyemak laporan audit terdahulu dan pelan tindakan susulan;
- Menetapkan Takwim Kerja JAD bagi sesi 2025–2026;
- Membincangkan pengurusan risiko dan penambahbaikan piawaian serta prosedur audit dalaman.

Mesyuarat ini diakhiri dengan ucapan penutup oleh Pengerusi, yang menekankan kepentingan memperkukuh tadbir urus koperasi serta memastikan semua aktiviti berjalan selaras dengan prinsip akauntabiliti, ketelusan, dan Syariah.

PERUTUSAN SETIAUSAHA



Anggota Teras Kekuatan Koperasi

Salam hormat kepada semua anggota Koperasi Muslimin,

Anggota adalah sumber kekuatan sesebuah koperasi. Tanpa anggota, koperasi tidak akan dapat melaksanakan sebarang usaha dan aktiviti. Justeru, kami amat mengharapkan agar tuan/puan dapat bersama-sama menggerakkan koperasi dengan menyertai semua program dan aktiviti anjuran Koperasi Muslimin Malaysia Berhad (KMMB).

Tahun 2026 merupakan tahun di mana Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) dijangka diadakan pada bulan April 2026. Sehubungan itu, tuan/puan dimohon agar mengemaskini maklumat peribadi, terutamanya nombor telefon dan alamat terkini, serta memaklumpkannya kepada Pejabat KMMB. Langkah ini penting bagi memastikan tuan/puan dapat menghadiri MAK tersebut dan menerima segala maklumat terkini mengenai aktiviti serta perkembangan KMMB.

Kepada anak-anak anggota yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), kami iringi mereka dengan doa semoga dikurniakan kejayaan yang cemerlang. Jangan lupa, KMMB turut menyediakan Anugerah Cemerlang buat anak-anak anggota yang berjaya dalam peperiksaan tersebut sebagai tanda penghargaan atas usaha dan kejayaan mereka.

Semoga tahun ini membawa lebih banyak keberkatan dan kemajuan kepada kita semua. Bersama kita terus memperkukuh koperasi demi manfaat bersama.

Selamat maju jaya.
Sekian, terima kasih.